

REAKSI ORANG MUDA

MEMILIKI RUMAH DALAM USIA MUDA SAMA PENTINGNYA DENGAN MEMILIKI SEBUAH KENDERAAN. SETUJUKAH?



"MEMILIKI rumah pada usia muda amat digalakkan kerana rumah merupakan pemilikan aset untuk jangka masa panjang berbanding

kereta. Kereta akan mengalami susut nilai yang sangat ketara dan cepat. Harga sesebuah kereta sekarang tidak akan sama bagi tahun-tahun akan datang berlainan pula dengan harga rumah, harga rumah akan meningkat dari tahun ke tahun ini akan menguntungkan kita."

ZURLIYANA IZZATI AZMI
Universiti Kebangsaan Malaysia



"TIDAK setuju, kenderaan zaman sekarang sangat penting. Memang kini ada pengangkutan

awam tetapi sekiranya kita dalam keadaan kecemasan, maka amat perlu kenderaan sendiri untuk bergerak lebih mudah. Rumah pula bagi saya sangat mahal dan saya yakin golongan muda masih kurang berkemampuan untuk membeli rumah walaupun kerajaan sudah menyediakan skim perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah tetapi mengikut syarat yang ditetapkan."

ZUHAINEE IKMAL ZAID
Universiti Malaya



"SAYA sangat bersetuju kerana kereta dan rumah merupakan aset yang sangat penting pada masa kini. Semua orang diwajibkan untuk memiliki kedua-dua aset tersebut dalam memudahkan kehidupan seharian."

NUR SYAHIRAH CHE OTHMAN
Kolej Islam Antarabangsa



"RUMAH dianggap sebagai satu pelaburan untuk masa depan. Harga rumah akan meningkat saban tahun. Jadi tidak

salah saya katakan sekiranya golongan muda pada masa ini mampu memiliki rumah, ia adalah amat menguntungkan dan menjamin masa depan. Saya sarankan agar generasi muda sekarang membuat simpanan bagi membeli rumah apabila simpanan sudah mencukupi."

ALWAFI HASSIM
Universiti Putra Malaysia

"PADA pendapat saya, memiliki sebuah rumah adalah penting untuk golongan muda kerana

ia akan lebih memudahkan pada masa yang akan datang. Seterusnya, memiliki sebuah rumah boleh dijadikan sebagai aset kepada kita. Jika kita tidak mendiaminya, mungkin boleh disewakan kepada mereka yang memerlukan. Itu boleh dijadikan sebagai pelaburan. Tetapi lain pula dengan kereta kerana nilai jualan sesebuah kereta akan jatuh selepas kita membelinya."

INTAN FARHANA KAMAL EFFENDY
Universiti Selangor



"TIDAK, jika dilihat pada masa kini, harga rumah agak tinggi berbanding harga sebuah kenderaan. Memiliki rumah diberi

keutamaan kerana adalah keperluan asas. Dalam pada masa yang sama, kos penyelenggaraan bagi sesebuah kereta lebih tinggi berbanding rumah. Kita tidak mahu wang banyak digunakan kepada memenuhi kehendak yang tidak penting. Oleh yang demikian, memiliki sebuah rumah pada usia muda amat digalakkan sekiranya mereka berkemampuan untuk membeli."

FATIMAH AMIR
Institut Pendidikan Guru
Kampus Pulau Pinang